

BENNASTON SYRUP (Tiada Alkohol)

Methadone Hydrochloride (5mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)
2. Bagaimana Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) berfungsi
3. Sebelum menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)
4. Cara menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)
5. Semasa menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) digunakan untuk merawat ketagihan opioid.

Bagaimana Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) berfungsi

Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) mengandungi bahan aktif Methadone hydrochloride.

Methadone hydrochloride tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai analgesik opioid.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

-Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil BENNASTON SYRUP sekiranya:

- Anda alah kepada Methadone hydrochloride, apa-apa opioid yang lain, atau mana-mana bahan yang disenaraikan di dalam risalah ini.

- Anda mempunyai masalah perubatan yang lain termasuk:
 - Masalah sistem respiratori (sukar bernafas), terutamanya jika ada lebihan kahak atau kulit jadi kebiruan atau masalah paru-paru seperti asma.
 - Ketagihan alcohol.
 - Kecederaan baru di kepala atau tekanan dalam kepala meningkat.
 - Anda sedang atau telah mengambil (dalam tempoh 14 hari) anti kemurungan yang dikenali sebagai “*monoamine oxidase inhibitors*”(MAOIs).
 - Masalah usus yang dikenali sebagai ulser colitis.
 - Masalah hati.
 - Anda mengalami biliary dan kekejangan saluran buah pinggang
 - Masalah jantung

-Sebelum menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan perubatan seperti yang berikut:

- Phenylketonurics (gangguan yang menyebabkan asid amino terkumpul di dalam badan anda).
- masalah jantung, pernafasan, buah pinggang atau hati
- masalah hormon
- masalah kelenjar tiroid atau kelenjar pituitari
- diabetes
- penyakit prostat
- renjatan
- Badan anda akan bergantung kepada pengambilan ubat ini sekiranya anda menggunakannya secara berpanjangan. Jika anda memperhentikan pengambilan ubat ini secara tiba-tiba, anda mungkin akan mengalami

simptom-simptom *withdrawal* . Oleh itu, pemberhentian ubat ini hendaklah dijalankan secara berkala.

Kehamilan dan penyusuan badan:

Beritahu doktor jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung, menyusu atau merancang untuk menyusu.

Doktor akan mengambil kira risiko dan kelebihan yang anda akan dapat jika mengambil Bennaston Syrup (Tiada Alkohol).

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang tersenarai seperti dibawah:

- rifampicin, antibiotik
- phenytoin, ubat untuk sawan
- carbamazepine, ubat untuk sawan
- St John’s Wort
- Nevirapine, efavirenz dan protease inhibitor, ubat-ubatan untuk merawat jangkitan HIV
- fluconazole, antikulat
- Fluvoxamine, selective serotonin reuptake inhibitors (SSRIs) adalah ubat untuk merawat kemurungan
- antiarrhythmics, ubat untuk jantung
- ubat neuroleptics, ubat untuk psikiatrik
- tricyclic antidepressants, ubat untuk kemurungan
- calcium channel blocker, ubat untuk tekanan darah tinggi.
- diuretik, water pills.
- julap
- hormon mineralocorticoid, ubatan yang digunakan untuk keadaan hormon tertentu
- *monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs), ubat untuk merawat kemurungan.

- Ubat yang bertindak pada sistem saraf pusat, seperti barbiturates, muscle relaxants, phenothiazines, tranquilisers dan beberapa ubat psikotropik
- Narcotic antagonist

Cara menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

-Berapa banyak harus digunakan

10 hingga 20mg dos tunggal melalui mulut boleh diberi semasa permulaan dan boleh meningkat jika perlu dengan 5 hingga 10mg setiap hari. Dos tersebut tidak boleh ditingkatkan lebih daripada 5 hingga 10mg setiap hari dan tidak melebihi 30mg dalam tempoh 7 hari. Selepas penstabilan boleh dicapai dengan 30 hingga 50mg dos tunggal setiap hari (sehingga maksimum 80mg setiap hari), dos methadone secara beransur-ansur dikurangkan sehingga jumlah penarikan tercapai. Beberapa jadual rawatan untuk pergantungan opioid terlibat dalam penyelenggaraan dengan methadone di mana dos harian diselaraskan dengan teliti untuk individu.

Penggunaan secara oral sahaja.

Methadone tidak sesuai untuk kanak-kanak.

-Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini mengikut arahan yang diberikan oleh doktor.

-Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) atau menukar dos tanpa pemeriksaan dengan doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya.

Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil ubat pada waktu berjadual tetap yang berikutnya.

Jangan menggandakan dos bagi menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Segera telefon doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Bennaston Syrup (Tiada Alkohol). Tanda-tanda terlebih dose adalah seperti di bawah:

- masalah respirasi
- anak mata mengecil
- hipotensi (tekanan darah rendah)
- kegagalan peredaran darah
- edema pulmonari (pengumpulan cecair di dalam paru-paru)
- koma
- kematian
- *mydriasis* (anak mata dilatasi)
- asfiksia (kekurangan oksigen)
- mengantuk
- floppiness
- apnea (masalah pernafasan)

Semasa menggunakan Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum alkohol (minuman keras) semasa mengambil Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) boleh menyebabkan mengantuk dan orthostatic hypotension (tekanan darah rendah) disebabkan oleh perubahan postur.

Adalah disyorkan bahawa anda tidak boleh memandu, menggunakan jentera atau menjalankan apa-apa aktiviti di mana kecerdasan diperlukan.

Perhatian khas perlu diambil semasa memulakan rawatan dengan Bennaston

Syrup (Tiada Alkohol) atau meningkatkan dos.

Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) boleh mengurangkan kadar dengupan jantung dan pernafasan, jika teruk ia boleh membawa kematian.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda mengambil Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)

Bennaston Syrup (Tiada Alkohol) membantu kebanyakan orang yang mengambilnya tetapi ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang. Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang ia serius, tetapi kebanyakannya tidak.

Maklumkan kepada doktor jika anda mendapati mana-mana daripada berikut:

Kesan-kesan sampingan yang biasa:

- Loya dan muntah
- Mengantuk atau pening
- Berpeluh
- Masalah respiratori
- Masalah peredaran
- Pernafasan terhenti
- Renjatan
- Serangan jantung

Ini bukan senarai kesan-kesan sampingan yang lengkap. Yang lain mungkin berlaku ke atas sesetengah orang dan mungkin ada beberapa kesan sampingan yang belum diketahui.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)**

Tarikh kemaskini RiMUP :
21/10/2015

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Simpan di tempat kering dan sejuk serta
terlindung daripada cahaya.
Jauhi daripada kanak-kanak

Nombor siri:

BPFK(R4/1)061015/00343

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan
melalui air buangan atau sisa isi rumah.
Sila rujuk kepada ahli farmasi anda
mengenai cara yang betul untuk
melupuskan ubat yang tidak diperlukan
lagi. Langkah-langkah ini dapat
membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Bennaston Syrup (Tiada Alkohol)
ialah cecair merah cerah (tanpa
alkohol).

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap ml mengandungi 5mg
Methadone hydrochloride.

Bahan-bahan tidak aktif:

Sodium Benzoate, Citric Acid, Ponceau
4R, Polyethylene glycol, Sodium
Saccharin, Glycerin, Sodium Citrate
and Water.

Nombor MAL :

MAL08111933A

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.